

Headline	Pasar FAMA tawar barangan keperluan 20 peratus lebih murah		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	01 May 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,443
Page No	31	Readership	25,329
Language	Malay	ArticleSize	152 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,433
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,299



Pasar FAMA tawar barangan keperluan 20 peratus lebih murah

PULAU PINANG 30 April - Orang ramai berpeluang menikmati penjimatan antara lima hingga 20 peratus apabila membeli barangan keperluan harian terpilih di pasar tani kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di seluruh negara.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak berkata, tawaran berkenaan meliputi barang jualan di pasar pra-Ramadan, pasar Ramadan dan pasar Syawal anjuran pihaknya bulan depan.

Katanya, tawaran berkenaan membabitkan tujuh kategori barang utama iaitu ayam, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan barangan kering seperti bawang, cili serta barang sejuk beku.

“Sebagai contoh, harga sekilogram daging tempatan gred A yang dijual di pasar FAMA ialah RM30 sekilogram berbanding RM32 di pasar harian biasa. Pengguna juga berpeluang membeli sayur-sayuran seperti dengan diskaun sehingga 20 peratus namun kualiti dijamin,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Kuasai Wang Kuasai Keuntungan Usahawan Agro Makanan yang dihadiri lebih 200 peserta di sini kelmarin.



AHMAD ISHAK

Yang turut hadir, Pengarah FAMA negeri, Habibah Sulaiman.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, tawaran berkenaan memberi peluang kepada pengguna untuk mendapatkan barangan segar dengan harga yang lebih murah dan ditawarkan di sebanyak 668 pasar tani FAMA seluruh negara.

Sementara itu, beliau berkata, pengguna juga tidak perlu bimbang berlaku kekurangan stok kelapa dan santan segar menjelang bulan Ramadan dan Aidilfitri tahun ini kerana bekalan dijamin mencukupi.